

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**APRIL 2009**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Peyelidikan ini yang disediakan

Oleh


**Izreen Zhariesha binti Rahim**

bertajuk

**Laporan Cadangan Rekabentuk Butik Galeri Barbie di Lot 5.10.00 Aras Lima,  
Pavilion Kuala Lumpur, 168 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan



Pn. Suziyanty Binti Matori

Koordinator Kursus

:

Pn. Azizah Binti Md. Ajis

Koordinator Program

:

PM Dr Mohd Sabrizaa Abd Rashid

## **ABSTRAK**

Barbie adalah permainan patung perempuan yang pertama di dunia di mana produknya sangat terkenal diseluruh dunia malah peminatnya juga bukan terdiri di kalangan kanak – kanak,tapi juga dikalangan remaja dan dewasa. Perkataan Barbie berasal dari panggilan anak perempuan penciptannya yang mana bergelar Barbara. Ruth Handler adalah pereka patung Barbie yang sayangkan anaknya sehingga menggelarkan nama anak patung ciptaannya mengikut nama manja anaknya. Cadangan mereka bentuk butik galeri Barbie adalah bertujuan untuk memberi kepentingan kepada peminat Barbie dan kanak – kanak perempuan mendapatkan koleksinya kerana produk Barbie adalah terhad pengeluarannya di sini dan memberi peluang kepada mereka untuk mengambil tahu lebih tentang produk Barbie ini serta memberi peluang untuk mereka merasai sendiri menjadi seorang Barbie dan terdiri di kalangan mereka. Lokasi yang dipilih dalam cadangan merekabentuk butik galeri ini adalah di Pavilion Kuala Lumpur iaitu salah satu pusat membeli belah yang terkenal di 'segi emas' Kuala Lumpur. Dari segi perkhidmatan dan kemudahan lain sangat memuaskan kerana ia mempunyai jalan pengangkutan yang boleh memudahkan pengunjung untuk mengunjunginya. Produk Barbie adalah produk yang sangat terkenal dan besar di dunia. Tetapi di Malaysia produk ini masih belum lagi mempunyai butik galeri sendiri. Kebanyakan produk ini dijual di kedai – kedai permainan lain contohnya di Toy r' us, Toys city, Pakson, Jusco dan lain – lain. Dengan itu mengapa tidak produk Barbie dijual dan diperkenalkan lagi di butik galerinya sendiri di sini seperti produk permainan dan fesyen lain sebagai contoh World of Cartoons, MCKY butik, Disney, Lego dan lain – lain. Kesemua kajian dibuat untuk melaksanakan projek ini dengan baik dan jayanya. Kajian dibuat melalui tapak bangunan yang di cadangkan dan konsep serta gaya juga turut dikaji agar rekabentuk ruang dalaman butik galeri Barbie ini dapat direka dengan kehendak klien serta pelanggan yang mengunjugi kelak. Semua proses – proses merekabentuk dikaji dan dianalisa dengan teliti agar hasil merekabentuk dapat di cadangkan dengan baik.

<b>Abstrak</b>	<b>i</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>ii</b>
<b>Isi Kandungan</b>	<b>iii</b>
<b>Senarai Rajah</b>	<b>v</b>
<b>Senarai Jadual</b>	<b>vii</b>
<b>Senarai Lampiran</b>	<b>vii</b>

**KANDUNGAN**  
**MUKA SURAT**

<b>BAB 1.0</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1	PENGENALAN	1
1.2	MATLAMAT KAJIAN	2
1.3	OBJEKTIF KAJIAN	2
1.4	METODOLOGI KAJIAN	3
1.5	SKOP KAJIAN	4
1.6	HALANGAN KAJIAN	5
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	6
<b>BAB 2.0</b>	<b>KLIEN</b>	<b>7</b>
2.1	LATARBELAKANG	7
2.2	CARTA ORGANISASI	25
2.3	VISI DAN MISI KLIEN	26
2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	27
<b>BAB 3.0</b>	<b>KAJIAN DAN ANALISA</b>	<b>28</b>
3.1	ANALISA TAPAK	28
3.2	ANALISA BANGUNAN SEDIADA	35
3.3	RINGKASAN PENEMUAN	42
3.4	RUMUSAN	42

<b>BAB 4.0</b>	<b>KAJIAN KES</b>	<b>43</b>
4.1	KAJIAN KES 1	44
4.2	KAJIAN KES 2	51
4.3	KAJIAN KES 3	64
4.4	RUMUSAN KAJIAN KES	75
<b>BAB 5.0</b>	<b>PROJEK</b>	<b>76</b>
5.1	PENGENALAN	76
5.2	CADANGAN	77-113
5.3		
<b>BAB 6.0</b>	<b>PENUTUP</b>	<b>114</b>
6.1	KESIMPULAN	114

**Senarai Rujukan**

**Lampiran**

**Bibliography**

## **BAB 1.0 PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Patung Barbie sangat terkenal dan digemari ramai terutama kanak – kanak perempuan di seluruh dunia malah di kalangan perempuan remaja dan dewasa juga turut meminati patung Barbie ini, ia dibuktikan dengan adanya keluaran lain selain patung Barbie iaitu Barbie juga turut mengeluarkan koleksi – koleksi lain antaranya ialah Barbie Art Craft, Barbie Games and DVD, Barbie clothing, Barbie Book dan lain – lain lagi. Barbie menjadi sangat terkenal di seluruh dunia Barbie adalah salah satu permainan kanak – kanak perempuan yang paling berjaya penjualannya pada masa dahulu dan juga kini.

Projek ini merupakan cadangan merekabentuk butik galeri Barbie untuk peminat – peminat Barbie yang terdiri daripada kanak – kanak perempuan di mana jua di pelusuk dunia, dan tidak terkecuali perempuan remaja dan dewasa juga turut meminati Barbie. Ini dapat dibuktikan di luar negara yang mana di sana kebanyakkan mereka ingin menjadi perwatakan seperti Barbie. Mereka lebih bersikap fanatik terhadap pemakaian Barbie kerana Barbie adalah salah satu model fesyen yang terkenal di dunia yang mana pakaian yang dipakainya kebanyakkan belum dipakai oleh mana – mana model manusia di dunia.

Di Malaysia, kita masih lagi tidak mempunyai tempat penjualan atau kedai khas yang menjual barangan ataupun produk Barbie. Berbanding di luar negara, mereka mempunyai banyak kedai yang khas bagi menjual produk Barbie ini. Melalui kajian yang saya lakukan, produk Barbie di Malaysia banyak dijual di kedai – kedai lain bersama dengan jenama patung lain. Dengan ini amat meyakinkan bagi peminat Barbie untuk menambahkan koleksi atau mencari koleksi kain yang diinginkan.